



09 AUG, 2024

Warga Bangladesh mengaku miliki rokok seludup

Sinar Harian, Malaysia



Warga Bangladesh mengaku miliki rokok seludup

KUANTAN - Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku salah memiliki 890 peket rokok seludup dianggarkan bernilai RM1,424 di Mahkamah Majistret di sini pada Khamis.

Tertuduh, Md Alim Hossain Bappi, 42, didakwa melakukan kesalahan itu di asrama pekerja kawasan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP), Jalan Pintasan Gebeng kira-kira jam 11.30 pagi pada 25 Julai lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 135(1)(v)(aa) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak kurang 10 kali ganda nilai barang atau RM100,000, yang mana lebih tinggi sehingga tidak lebih 20 ganda nilai barang atau RM500,000 atau penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Nurhafizah Ahmad di hadapan Majistret Tengku Eliana Tengku Kamaruzaman.

Mahkamah kemudian menetapkan 5 September depan sebagai tarikh sebutan semula kes berkenaan.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM10,000, namun tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan dikurangkan dengan alasan menyara keluarga termasuk ibu, isteri dan anak di negara asal.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan syarat tambahan perlu menyerahkan pasport dan melapor diri di pejabat JKDM setiap bulan.



09 AUG, 2024

Warga Bangladesh mengaku miliki rokok seludup

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUANTAN - Seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku salah memiliki 890 pekot rokok seludup dianggarkan bernilai RM1,424 di Mahkamah Majistret di sini pada Khamis. Tertuduh, Md Alim Hossain Bappi, 42, didakwa melakukan kesalahan itu di asrama pekerja kawasan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP), Jalan Pintasan Gebeng kira-kira jam 11.30 pagi pada 25 Julai lalu.Dia didakwa mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 135(1)(v)(aa) akta sama.